

TERMA & SYARAT RAKAN SME CIMB

Promosi, Manfaat & Ganjaran di bawah **RAKAN SME CIMB** diadakan oleh **CIMB BANK BERHAD** (No. Syarikat 13491-P) (“**CIMB**”) secara usaha sama dengan Rakan Perniagaannya (“**RAKAN PERNIAGAAN**”) dan hendaklah tertakluk pada terma dan syarat ini.

1. Takrif

- 1.1. “Bank” ertinya CIMB Bank Berhad/CIMB Islamic Bank.
- 1.2. “Terma dan Syarat Rakan SME CIMB” ertinya terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.3. “Pelanggan yang Layak” ertinya pelanggan SME CIMB yang telah memenuhi syarat kelayakan Rakan SME CIMB yang dinyatakan dalam Seksyen 2.1.
- 1.4. “Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB” ertinya promosi, manfaat dan ganjaran bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank dan/atau disediakan oleh Bank dan/atau Rakan Perniagaannya untuk manfaat Pelanggan yang Layak.
- 1.5. “BizCA/-i” ertinya Akaun Semasa Perniagaan Konvensional dan/atau Akaun Semasa Perniagaan Islam Pelanggan yang Layak yang dibuka dan dikelaskan dengan Bank.
- 1.6. “Rakan Perniagaan” ertinya syarikat-syarikat yang mencapai persetujuan dengan CIMB Bank untuk menawarkan tawaran yang istimewa atau eksklusif kepada Pelanggan yang Layak Bank.

2. Syarat Kelayakan Pelanggan bagi Rakan SME CIMB

- 2.1 Untuk layak dipertimbangkan oleh Bank sebagai Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan atau berjaya membuka BizCA/-i dengan Bank.
- 2.2 Rekod Bank bagi Pelanggan yang Layak hendaklah dianggap muktamad dan konklusif melainkan jika ada kesilapan yang ketara. Penerimaan sebagai Pelanggan yang Layak akan mengikut budi bicara Bank sepenuhnya.

3. Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB

- 3.1 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menawarkan dan/atau menyediakan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB kepada Pelanggan yang Layak. Senarai penuh promosi, manfaat dan ganjaran boleh dilihat di laman web Bank di www.cimbbank.com.my/smepartners
- 3.2 Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB adalah tertakluk pada terma dan syarat selanjutnya oleh Bank dan/atau Rakan Perniagaannya serta syarat-syarat produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau masing-masing, yang berasingan daripada terma dan syarat yang terkandung di sini yang mesti dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Rakan SME CIMB, CIMB Islamic Bank atau Rakan Perniagaan mereka, mengikut mana yang berkenaan, yang mengawal produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau masing-masing.
- 3.3 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, jaminan atau pengesahan, yang nyata atau tersirat, bertulis atau secara lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti,

kebolehdagangan atau kesesuaian bagi tujuan tertentu berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan Rakan Perniagaannya.

- 3.4 Laman web Bank mungkin mengandungi hiperpautan ke laman web luar (pautan), termasuk laman web syarikat pihak ketiga yang lain. Laman-laman web ini beroperasi secara bebas daripada laman web Bank. Oleh itu, Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak memberi jaminan berkenaan dengan kandungan, ciri-ciri, produk, perkhidmatan atau nama yang dipaparkan pada laman web pihak ketiga tersebut. Tambahan lagi, pautan disediakan untuk kemudahan anda sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai pengesahan atau penentusahan atau kelulusan laman web yang terpaut tersebut atau kandungan di dalamnya. Akses kepada mana-mana pautan adalah atas risiko anda sendiri sepenuhnya dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan untuk sebarang kerosakan, kerugian atau tuntutan yang berkaitan dengan akses kepada atau penggunaan pautan tersebut oleh anda. Anda dinasihatkan untuk membaca kenyataan dasar privasi (jika ada) mana-mana laman web luar yang terpaut pada laman web Bank kerana dasar privasi Bank akan terhenti apabila anda meninggalkan laman web Bank.
- 3.5 Pelanggan yang Layak dengan ini membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan nama pendaftaran perniagaan dan nombor pendaftaran perniagaan (BRN) Pelanggan yang Layak kepada Rakan Perniagaannya, jika diperlukan, bagi tujuan memenuhi Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME.
- 3.6 Pelanggan yang Layak mestilah mematuhi terma dan syarat yang berhubung dengan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB atau apa-apa terma dan syarat selanjutnya yang boleh ditetapkan seterusnya oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu selama empat belas (14) hari kalender, sebelum Pelanggan yang Layak dibenarkan untuk menikmati Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB yang berkaitan.
- 3.7 Bank berhak menyemak, mengubah suai, menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu selama dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pelanggan yang Layak. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan semua atau mana-mana Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB tidak akan menyebabkan Pelanggan yang Layak CIMB dan/atau sesiapa sahaja berhak kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak dan/atau sesiapa sahaja sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.

4. Penamatkan

- 4.1 Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB bagi Pelanggan yang Layak boleh digantung atau ditamatkan oleh Bank dengan serta-merta apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:
 - (i) BizCA/-i yang dilanggar oleh Pelanggan yang Layak telah digantung, ditamatkan atau dibekukan.
 - (ii) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat BizCA/-i atas apa-apa jua sebab; dan

- (iii) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB.
- 4.2 Apabila berlakunya penamatkan yang disebut dalam Klausus 4.1 dan 4.2, Pelanggan yang Layak hendaklah dengan serta-merta berhenti menikmati atau menggunakan semua promosi, manfaat dan ganjaran yang ditawarkan di bawah Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB; jika tidak, Bank berhak untuk mengenakan levi, caj atau fi ke atas Pelanggan yang Layak berkenaan dengan penggunaan berterusan mana-mana Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB selepas penggantungan atau penamatkan itu.
- 4.3 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak lain, berkenaan dengan (i) penikmatan dan/atau tiada penikmatan dan penggunaan dan/atau tiada penggunaan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB oleh Pelanggan yang Layak; (ii) tindakan Bank dalam menamatkan atau menggantung hak Pelanggan yang Layak untuk menikmati atau menggunakan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB, melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaian melampau oleh Bank.

5. Notis-Notis Penting

- 5.1 Penikmatan dan penggunaan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB oleh Pelanggan yang Layak hendaklah dianggap sebagai persetujuan Pelanggan yang Layak kepada Terma & Syarat Rakan SME CIMB serta terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB dan terma dan syarat yang mengawal produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau masing-masing yang ditawarkan dan/atau disediakan.
- 5.2 Pelanggan yang Layak dengan ini mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my atau www.cimbislamic.com) dan klausula-klausula yang terkandung di sini, sepetimana yang berkaitan dengan pemprosesan dan pendedahan maklumat atau data peribadi Pelanggan yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan CIMB tersebut hendaklah dianggap sebagai telah digabungkan melalui rujukan ke dalam Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini.
- 5.3 Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka tidak akan mempertanggungjawabkan dan/atau mempertanggungkan Bank terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau mungkin ditanggung oleh mereka secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan penikmatan dan penggunaan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB oleh mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau pincang tugas komputer, talian sambungan terminalnya, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran atau sebarang peralatan lain sama ada milik Bank atau tidak, percubaan atau tindakan keganasan sebenar, kerebakan wabak, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, sebarang bencana alam atau apa-apa keadaan atau kejadian di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.4 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB dan/atau terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB, sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausus 5.4, hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan pengiklanan atau promosi yang berkaitan dengan Promosi, Manfaat &

Ganjaran Rakan SME CIMB. Masa hendaklah menjadi asas tetapi kegagalan atau penangguhan Bank dalam melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya terhadap Pelanggan yang Layak tidak akan beroperasi sebagai penepiannya dan begitu juga pelaksanaan sebahagian daripada mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedii tidak akan mengakibatkan prejudis terhadap atau menjelaskan hak Bank untuk bertindak mengikutnya dengan ketat selepas itu.

- 5.5 Keharaman, ketaksahan atau ketidakbolehan penguatkuasaan sebarang Terma dan Syarat Rakan SME CIMB dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB tidak akan menjelaskan kesahan, kesahihan atau kebolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Rakan SME CIMB lain yang terkandung di sini dan/atau terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB.
- 5.6 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB adalah tertakluk pada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, arahan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan kawal selia lain yang berkaitan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 5.7 Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung di sini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat Rakan SME CIMB ini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan hendaklah terus wujud walaupun apa-apa penamatian atau penggantungan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB oleh Bank.
- 5.8 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB hendaklah terus sah dan mengikat walau apa pun apa-apa percantuman, penggabungan, pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau apa-apa perubahan dalam Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya perniagaan Bank boleh dijalankan buat sementara waktu.
- 5.9 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan apa-apa perkiraan khusus berkaitan dengan penggunaan atau penikmatan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB pada masa ini atau kemudian dari ini yang wujud antara Bank dan Pelanggan yang Layak atau sebarang terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan yang Layak dari semasa ke semasa.
- 5.10 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB hendaklah mengikat waris, wakil diri dan pengganti hak milik Bank dan Pelanggan yang Layak masing-masing dan hak dan obligasi Pelanggan yang Layak yang terkandung di sini tidak boleh diserahkan hak atas apa-apa jua sebab.
- 5.11 Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB adalah sebagai tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau kaedah dan peraturan yang mengawal operasi,

perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan dengan dan/atau yang timbul di bawah BizCA/-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank.

5.12 Melainkan jika dinyatakan sebaliknya di sini, semua notis dan komunikasi oleh Bank berkaitan dengan Keistimewaan & Ganjaran Rakan SME CIMB boleh diberikan oleh Bank dengan mana-mana satu cara berikut:

- i. Melalui pos berdaftar akuan terima ke alamat terakhir Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank;
- ii. Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank;
- iii. Melalui faksimile, e-mel atau lain-lain bentuk komunikasi serta-merta kepada nombor perhubungan, nombor bimbit atau alamat e-mel Pelanggan yang Layak yang terakhir diketahui dalam rekod Bank;
- iv. Melalui paparan di premis Bank, termasuk premis cawangannya;
- v. Melalui paparan pada skrin apabila mengakses laman web Bank di www.cimbbank.com.my/smepartners

5.13 Tiada pampasan wang tunai atau sebarang bentuk lain akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung di atas sebarang pindaan, perubahan, penghapusan, penambahan atau pengubahan Terma dan Syarat Rakan SME CIMB yang terkandung di sini dan/atau terma dan syarat khusus yang mengawal Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB. Untuk maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan kelayakan sebagai Pelanggan yang Layak dan/atau sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Promosi, Manfaat & Ganjaran Rakan SME CIMB, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan nombor faksimile yang berikut (atau di alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan nombor faksimile lain yang boleh diubah oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak):

CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad

Unit Resolusi Pelanggan (CRU)

Peti Surat 10338

GPO Kuala Lumpur

50710 Wilayah Persekutuan

03-6204 7788

CRU@cimb.com

5.14 Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan yang Layak CIMB Bank akan dikendalikan dan diselesaikan sepenuhnya oleh CIMB Bank dan apa-apa pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan yang Layak CIMB Islamic Bank akan dikendalikan dan diselesaikan sepenuhnya oleh CIMB Islamic Bank.

5.15 Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila lawati mana-mana cawangan Bank di seluruh negara,
atau hubungi Pusat Panggilan Perniagaan Bank:

Tel: 1300 888 828

Waktu Beroperasi:

7 pagi–7 malam (Isnin – Jumaat)

8 pagi–5 petang (Sabtu) tidak termasuk Ahad & Cuti Am